

24 AUG 1998

MAHATHIR-KEMUDAHAN/I

KEMUDAHAN SUKAN BUKAN MEMBAZIR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan persediaan Malaysia bagi Sukan Komanwel ke-16 atau "Kuala Lumpur 98" bukan suatu yang membazir kerana kemudahan itu boleh digunakan bagi acara sukan lain di masa depan.

Beliau berkata walaupun ada sesetengah pihak yang menganggap persediaan itu yang mana termasuk projek seperti Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang, jalan raya, stadium dan Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) sebagai suatu yang membazir, hakikat sebenarnya kos yang terlibat hanyalah satu perlima daripada kos pembinaan Lapangan Terbang Chek Lap Kok di Hong Kong.

Ketika merasmikan IBC yang bernilai RM68 juta di sini hari ini, Dr Mahathir berkata Malaysia telah membelanjakan kurang daripada AS\$5 bilion sebagai persediaan bagi sukan kedua terbesar di dunia itu.

Walaupun perbelanjaan bagi persediaan sukan itu agak besar bagi sebuah negara kecil seperti Malaysia, negara mempunyai keupayaan untuk melakukannya, katanya.

"Kita mampu membelanjakan wang untuk membeli semua kelengkapan dan kemudahan yang diperlukan kerana kita tidak mahu mengecewakan sesiapa juga," katanya.

Mengenai IBC, beliau berkata kerajaan memutuskan untuk menubuhkan sebuah pusat seumpama itu selepas Sukan Asia Tenggara di mana Malaysia menjadi tuan rumah pada 1989.

Daripada pengalaman itu, Malaysia menyedari keperluan bagi sebuah pusat penyiaran antarabangsa untuk menjadi tuan rumah bagi acara-acara antarabangsa, kata Dr Mahathir.

Beliau yakin agensi-agensi penyiaran antarabangsa akan menggunakan kemudahan IBC dan ia akan dilengkapi dengan kemudahan walaupun Malaysia tidak menganjurkan mana-mana acara sukan sebesar Sukan Komanwel.

Perdana Menteri berkata latihan akan diadakan untuk memastikan semua operasi berjalan lancar.

"Terdapat beberapa masalah yang akan timbul dalam persediaan bagi sukan itu dan segala-galanya tidak boleh berjaya 100 peratus," katanya.

Beliau juga berkata Malaysia bersedia menerima kritikan membina dan menyambut baik penghargaan terhadap tugas-tugas yang dilaksanakan dengan baik.

IBC adalah pusat untuk penyiaran televisyen seluruh dunia sempena "Kuala Lumpur '98" di sini, bulan depan.

Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), hos penyiar bagi sukan itu telah menubuhkan pusat berkenaan yang terletak di perkarangan Angkasapuri.

Kemudahan itu dilengkapi dengan kemudahan terbaru dan canggih. Liputan Sukan Komanwel dijangka mencapai kira-kira 500 juta penonton di seluruh dunia.

Sebanyak lima belas stesen penyiar antarabangsa dan empat stesen tempatan akan menggunakan IBC bagi sukan itu.

Antaranya adalah British Broadcasting Corporation (BBC), Channel 9 dari Australia, TV New Zealand, TV South Africa serta stesen televisyen dari Brunei, Singapura dan Sri Lanka.

Kira-kira 2,000 pemberita televisyen, juruteknik dan jurukamera dijangka membuat liputan sukan itu yang bermula daripada 11 hingga 21 September depan.

-- BERNAMA

AD/MAM MK ZK OS

